



The Observer

15.07.2022

Sukacita dimaklumkan bahawa talian telefon baharu MSWG telah ditukar kepada +603-2732 0010 berkuat kuasa serta merta.

❖ Meringankan kesan daripada harga minyak sawit yang berubah-ubah

Melihat pemulihan harga saham sarung tangan dan saham teknologi sejak kebelakangan ini, sejarah tidak pernah berbohong apabila kita dikejutkan dengan kenaikan mendadak harga saham kaunter perladangan, kerana kenaikan progresif selalunya akan diikuti dengan kejatuhan yang regresif. Keuntungan atau kerugian yang berjaya diperoleh pemegang saham minoriti bergantung kepada waktu mereka membeli saham dan menjual saham tersebut.

Bahayanya ialah apabila pelabur runcit memasuki pasaran ketika harga berada di tahap kemuncak, yang menyebabkan mereka mengalami kerugian yang besar (atau mereka berubah menjadi pemegang saham jangka panjang). Apabila ditanya mengapa mereka tidak membeli lebih awal, jawapan yang mungkin diberikan adalah mereka mengambil pendekatan 'tunggu dan lihat' dengan 'memantau' prestasi saham tersebut. Namun apabila timbul perasaan FOMO atau *Fear of Missing Out* iaitu bimbang ketinggalan daripada mengikuti perkembangan semasa, mereka akhirnya membuat keputusan untuk membeli saham itu apabila ia menghampiri harga kemuncaknya.

Kelumpuhan analisis adalah kelemahan yang sudah lama membelenggu kebanyakan pemegang saham minoriti. Bak kata pepatah, bertindak membabi buta, buruk padahnya. Sebenarnya, ada masa yang sesuai untuk membeli saham dan ada masa yang sesuai untuk menjual saham. Jarang sekali pemegang saham dapat membeli saham sewaktu harganya berada pada paras terendah secara mutlak dan menjualnya pula pada paras tertinggi secara mutlak - walaupun kita sememangnya mengimpikan situasi ini.

Mengimbas kembali, harga minyak sawit mentah (*crude palm oil*, CPO) telah jatuh kira-kira 50% daripada harga tertinggi iaitu kira-kira RM8,000/ tan metrik pada awal Mac kepada kira-kira RM4,000/ tan metrik pada tarikh semasa (seperti dalam kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah Bursa Malaysia untuk bulan semerta September 2022) yang disebabkan oleh pelbagai faktor iaitu:

- Peningkatan eksport minyak sawit dari Indonesia (berikutan langkah 'flush out' oleh Jakarta untuk menstabilkan semula inventori minyak sawit yang terkumpul sejak Mac 2022)
- Bekalan minyak sayuran utama yang bertambah baik
- Peningkatan stok di Malaysia yang disebabkan oleh peningkatan pengeluaran dan eksport yang lebih rendah
- Kurangnya kebimbangan terhadap kekurangan tenaga buruh di Malaysia
- Peningkatan trend bermusim dalam kitaran pengeluaran minyak sawit; dan
- Kenaikan kadar faedah yang agresif baru-baru ini oleh Fed AS yang melemahkan sentimen pasaran secara keseluruhan

Pemulihan harga ini walaupun bersifat sementara, berpunca daripada kebimbangan geopolitik yang berkait rapat dengan gangguan bekalan minyak makan global, yang teretus akibat konflik Rusia-Ukraine.

Satu lagi peristiwa luar negara yang mencetuskan pemulihan harga minyak sawit mentah ialah pengenaan larangan eksport minyak sawit oleh Indonesia selaku pengeluar minyak sawit terbesar dunia yang bertujuan mengekang kenaikan harga minyak masak domestiknya pada awal April 2022.

Walau bagaimanapun, larangan eksport itu ditarik balik tidak sampai dua bulan kemudian, yang menyaksikan pemulihan harga saham perladangan bertukar kepada kejatuhan mendadak apabila harga minyak sawit mentah mencecah RM5,105/ tan metrik pada Jun lalu dan akhirnya menyusut kepada RM4,157/ tan metrik pada 8 Julai.

Kejatuhan mendadak harga minyak sawit mentah selepas 10 Jun ini disebabkan oleh penggantian larangan eksport dengan skim kewajipan pasaran tempatan (*Domestic Market Obligation, DMO*) oleh kerajaan Indonesia.

DMO mengkehendaki syarikat untuk membekalkan sebahagian daripada produk mereka ke pasaran domestik melalui program minyak masak pukal kerajaan dan memautkan volum DMO kepada permit eksport dan kuota/hak mereka. Indonesia kemudiannya memaklumkan sudah mengeluarkan permit eksport untuk sejumlah 2.44 juta tan metrik minyak sawit dari bulan Mei lalu hingga 5 Julai.

Memandangkan terdapat lambakan stok, pengeluar sawit Indonesia perlu menarik pembeli dengan menurunkan harga minyak sawit mentah. Ini menyebabkan harga minyak sawit mentah tempatan dan antarabangsa menjunam dengan ketara dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini.

Dalam perkembangan yang sama, kebanyakan firma penyelidikan menjangkakan simpanan minyak sawit Malaysia akan meningkat berikutan persaingan daripada minyak sawit Indonesia. Oleh yang demikian, prospek harga minyak sawit mentah di Malaysia akan turut mencerminkan perkembangan di Indonesia.

Baru-baru ini, stok simpanan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (*Malaysian Palm Oil Board, MPOB*) pada Jun 2022 mencecah paras tertinggi dalam tempoh tujuh bulan sebanyak 1.66 juta tan metrik, berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi dan eksport yang lebih rendah manakala sebahagiannya diimbangi oleh penggunaan domestik yang lebih tinggi.

Dengan lambakan inventori di Indonesia, penganalisis menjangkakan minyak sawit Malaysia akan kehilangan bahagian pasaran kepada Indonesia dalam beberapa bulan akan datang, mengakibatkan peningkatan secara beransur-ansur dalam inventori MPOB. Oleh yang demikian, harga minyak sawit mentah berkemungkinan akan terus mengalami tekanan pada separuh kedua 2022.

Walaupun langkah '*flush out*' inventori minyak sawit oleh Indonesia berkemungkinan akan menekan harga minyak sawit mentah jangka pendek, sesetengah pihak berpendapat bahawa penurunan harga minyak sawit mentah yang melampau baru-baru ini adalah keterlaluan.

Ini memandangkan prospek bekalan minyak sayuran utama kekal tidak menentu manakala prospek permintaan bertambah baik selaras dengan peningkatan daya saing harga minyak sawit mentah selepas pelarasan baru-baru ini.

Faktor luaran mengatasi faktor asas

Meninjau harga minyak sawit mentah yang semakin menurun, penganalisis mengutarakan pendapat yang bercampur-campur tentang masa depan saham perladangan yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Ia boleh diibaratkan seperti langit yang cerah tiba-tiba bertukar mendung semalaman. Tidak dinafikan bahawa pemegang saham minoriti yang membeli saham kaunter perladangan pada waktu harganya menghampiri tahap kemuncak bakal berhadapan kerugian atas kertas kira-kira 30% atau lebih.

Sejujurnya, kerugian ini tiada kena mengena dengan sifat tamak tetapi lebih kepada cara seseorang pelabur membaca keadaan pasaran untuk sesuatu komoditi. Ia juga bergantung kepada cara seseorang pelabur mengharungi pasaran komoditi yang tidak menentu yang prospeknya berbeza daripada satu komoditi dengan komoditi yang lain.

Ini sesungguhnya suatu 'permainan minda' yang rumit, hatta bagi pelabur yang paling berpengalaman atau terpelajar sekalipun, tiada jaminan mereka tidak terjejas daripada kenaikan jangka pendek saham perladangan.

Walau apa pun, kita mengakui kebanyakan kaunter perladangan adalah bersandarkan asas.

Bagaimanapun, penanam kelapa sawit adalah penerima harga, maka mereka tidak mempunyai kawalan ke atas harga. Namun, mereka masih boleh mengawal kos supaya kekal di tahap yang rendah dan mereka juga boleh mengawal usaha mereka untuk meningkatkan hasil dan produktiviti. Itulah perkara terbaik yang boleh mereka lakukan.

Pada dasarnya, kebimbangan mengenai inflasi dan kemelesetan semakin meningkat dan ia menakutkan seluruh ekosistem pasaran modal. Penanam perlu bersiap siaga, bersedia untuk menghadapi struktur kos yang lebih tinggi dan kemungkinan harga minyak sawit mentah yang lebih rendah pada masa hadapan.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 18 hingga 22 Julai 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
19.07.22 (Selasa) 09.30 pagi	AYS Ventures Berhad (AGM)	AYS mencatatkan prestasi terbaik sepanjang masa pada tahun kewangan 2022 dengan rekod pendapatan dan keuntungan bersih. Keuntungan bersih meningkat kepada RM116.524 juta berbanding RM24.57 juta pada tahun sebelumnya, manakala pendapatan berjumlah RM1.12 bilion berbanding RM753.66 juta pada tahun kewangan 2021. Prestasi cemerlang ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh kenaikan harga keluli global dan langkah kawalan kos yang berkesan.
20.07.22 (Rabu) 10.00 pagi	Sapura Resources Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM45.2 juta bagi tahun kewangan 2021, menyusut 1.7% atau RM0.8 juta berbanding tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Walau bagaimanapun, kerugiannya meningkat kepada RM243.5 juta, terutamanya disebabkan oleh rosot nilai Perjanjian Pajak Induk yang berkaitan perjanjian usaha sama dengan KLCC (Holdings) Sdn Bhd berjumlah RM172.8 juta.</p>
20.07.22 (Rabu) 10.30 pagi	JKG Land Berhad (AGM)	<p>Prestasi kewangan JKG terus kukuh pada tahun kewangan 2022 dengan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai masing-masing berjumlah RM184.8 juta dan RM33.1 juta.</p> <p>Segmen Pembangunan Hartanah menyumbang 98% daripada jumlah pendapatan Kumpulan dan terus menjadi pemacu utama operasi Kumpulan. Baki 2% pula disumbangkan oleh pendapatan</p>

		daripada Penanaman Minyak Sawit dan Operasi lain.
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diketengahkan
AYS Ventures Berhad (AGM)	<p>Terdapat kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan berjumlah RM3,912,000 pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM1,260,000) (Halaman 99, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Adakah jumlah ini boleh dipulihkan? Jika ya, apakah langkah yang diambil untuk mengutip semula jumlah hutang?</p> <p>b) Berapakah jumlah yang dijangka akan dikutip semula pada tahun kewangan 2023?</p>
Sapura Resources Berhad (AGM)	<p>Tindakan pengurangan saiz penyewa utama di Sapura@Mines telah mengakibatkan pengecilan ruang pejabat yang disewa oleh Kumpulan, seterusnya menjejaskan pendapatan Syarikat.</p> <p>Kumpulan sedang mempelbagaikan penyewa di Sapura@Mines dengan menyasarkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mengisi ruang kosong yang ditinggalkan oleh penyewa utama. (Halaman 19, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Siapakah penyewa utama yang mengecilkan ruang pejabatnya?</p> <p>b) Apakah saiz semasa ruang pejabat penyewa utama berbanding sebelum pengecilan saiznya?</p> <p>c) Berapakah kerugian tahunan dalam pendapatan sewa daripada penyewa utama selepas pengecilan ruang pejabat mereka?</p> <p>d) Dapatkah Kumpulan menarik PKS untuk mengisi ruang kosong yang ditinggalkan oleh penyewa utama? Jika ya, berapakah saiz ruang pejabat yang diduduki oleh PKS?</p> <p>e) Berapakah kadar penghunian semasa di Sapura@Mines pada Jun 2022 berbanding tahun kewangan 2022?</p>
JKG Land Berhad (AGM)	<p>Keuntungan sebelum cukai Kumpulan untuk 3 tahun kewangan yang lalu meningkat daripada RM25.3 juta (tahun kewangan 2020) kepada RM29.9 juta (tahun kewangan 2021) dan seterusnya kepada RM33.1 juta (tahun kewangan 2022). (Halaman 12, Laporan Tahunan)</p> <p>Bagaimanapun Syarikat tidak mengisytiharkan sebarang dividen untuk 3 tahun kewangan yang lalu. Pembayaran dividen terakhir Syarikat adalah sebanyak 0.1 sen iaitu pada tahun kewangan 2019. (Halaman 12, Laporan Tahunan)</p>

	<p>a) Mengapakah Syarikat tidak mengisytiharkan dividen walaupun keuntungan Kumpulan mencatatkan meningkat selama 3 tahun berturut-turut?</p> <p>b) Apakah situasi yang akan membuatkan Syarikat mengisytiharkan pembayaran dividen sebagai ganjaran kepada pemegang sahamnya?</p>
--	--

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.